



## BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN

### STRUKTUR ORGANISASI JAS NEGERI SARAWAK

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak (JAS Sarawak) diterajui oleh Pengarah Gred C54. Struktur JAS Negeri Sarawak diketuai oleh pegawai dari pelbagai gred yang terdiri daripada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pembangunan serta Pejabat JAS Cawangan Sibul (Gred C44), Pejabat JAS Cawangan Bintulu (Gred C44) dan Pejabat JAS Cawangan Miri (Gred C44). Pengisian perjawatan di JAS Negeri Sarawak adalah sebanyak 106 jawatan sehingga 31 Disember 2015.



### UNIT KEWANGAN & AKAUN



Prestasi Perbelanjaan 110.32%

## BAHAGIAN OPERASI

### PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

Sejumlah 215 premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) dari pelbagai jenis industri telah diperiksa dan sebanyak 223 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan pada tahun 2015. Bilangan PYBDT tertinggi adalah premis yang berasaskan industri kayu iaitu sebanyak 65 buah (32%), diikuti premis berasaskan makanan dan minuman iaitu sebanyak 42 buah (21%) dan ketiga tertinggi adalah premis berasaskan simen iaitu sebanyak 15 buah (7%).

### KILANG GETAH ASLI MENTAH (KGAM)

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, bagi tahun 2015 terdapat empat (4) buah Kilang Getah Asli Mentah (KGAM) telah dilesenkan di Negeri Sarawak di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Premis KGAM di Sarawak mengguna semula effluen yang dihasilkan di premis mereka secara total (recycled system).

### KILANG KELAPA SAWIT (KKS)

Pada tahun 2015, terdapat sebanyak 75 buah Kilang Kelapa Sawit (KKS) telah dilesenkan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Daripada 75 buah premis tersebut, 4 daripadanya adalah merupakan premis yang baru dilesenkan pada tahun 2015.

### LESEN PELANGGARAN

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 5 permohonan Lesen Pelanggaran (LP) telah diterima dan 4 daripadanya telah diluluskan. Kesemua permohonan lesen pelanggaran datangnya daripada premis yang terletak di bawah seliaan JAS Pejabat Kuching dan menjalankan aktiviti pemrosesan makanan dan minuman.

### KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

Sepanjang tahun 2015 Unit Kenderaan Bermotor telah berjaya melaksanakan beberapa program, antaranya yang dijalankan ialah Operasi Statik, Ops Catat/kamera video (bagi kenderaan diesel), Kempen CO/HC bagi kenderaan dan motosikal, kempen Refrigerant Identifier (RI) bagi bengkel penyaman udara dan kenderaan serta pemeriksaan Fleet Operator.

### INVENTORI PUNCA PENCEMARAN


Pada tahun 2015, terdapat sebanyak 2,850 punca pencemaran yang aktif dalam pangkalan data SIMPAS JAS Negeri Sarawak. Daripada jumlah ini, 60.60% ataupun 1727 premis adalah terdiri daripada punca yang bukan ditetapkan berasaskan industri dan selainnya adalah punca bukan industri sebanyak 34.91%. Punca premis yang ditetapkan iaitu kilang kelapa sawit adalah sebanyak 2.60%, premis pengolahan dan pelupusan buangan terjadual sebanyak 1.75% dan kilang getah sebanyak 0.14%.

### SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Antara program-program hands-on GIS yang dijalankan pada Tahun 2015.



## BUANGAN TERJADUAL (BT)



Bilangan Premis BT Lesen = 44

Bilangan Lesen BT = 83

### OPERASI PENCEGAHAN PEMBAKARAN TERBUKA

Bilangan Kes Pembakaran Terbuka Mengikut Jenis Aktiviti, Tahun 2015

JENIS	BILANGAN
LADANG	138
KEBUN KECIL	50
BELUKAR	68
HUTAN	175
TAPAKPEMBINAAN	0
TAPAKPELUPUSAN	0
INDUSTRI	0
LAIN-LAIN	1
JUMLAH	432

### TINDAKAN MAHKAMAH

Pada Tahun 2015, sebanyak 9 kertas siasatan melibatkan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak manakala jumlah keseluruhan tindakan pendakwaan adalah sebanyak 17 kes yang mana 17 melibatkan premis sahaja.

### KOMPAUN

Berdasarkan rekod, sepanjang Tahun 2015 sebanyak 118 kompaun telah dikeluarkan oleh JAS Sarawak terhadap pelbagai kesalahan dan ketidakpatuhan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

### ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Sepanjang Tahun 2015, sebanyak 256 aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dengan 82.42 % daripadanya adalah berkaitan dengan pencemaran udara, bau dan pembakaran terbuka. Kesemua aduan telah disiasat dan diambil tindakan mengikut peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

JENIS ADUAN	BILANGAN ADUAN DITERIMA	PERATUSAN (%)
AIR	15	5.86
BAU / UDARA / PEMBAKARAN TERBUKA	211	82.42
BUANGAN TERJADUAL	8	3.13
TUAMPAHAN MINYAK	7	2.73
BUNYI BISING	5	1.95
LAIN-LAIN	10	3.91
JUMLAH	256	100